

**Naratif Sejarah Pembangunan *Nizam-i Cedit* dalam Pembaharuan Ketenteraan Uthmaniyyah
Era Mahmud II (1808-1839)**
*(The Historical Narrative of Nizam-i Cedit Development in the Ottoman Military Reforms under
Mahmud II, 1808-1839)*

Ezad Azraai Jamsari,* Muhammad Zharif Baharudin** & Mohd Hafiz Safiai***

Abstrak

Pembaharuan ketenteraan Uthmaniyyah pada era Mahmud II (1808-1839) bukan sekadar reaksi terhadap kemerosotan pengaruh dan kekuasaan golongan Kor Janissari, tetapi juga sebagai satu manifestasi kebangkitan semula rasional politik dan visi pemerintahan Uthmaniyyah yang menyemai aspek penyatuan kuasa, teknologi serta disiplin moden berteraskan elemen pemodenan. Dalam menghadapi tekanan geopolitik pihak Rusia dan Eropah, Mahmud II menjadikan agenda pembaharuan ketenteraan sebagai wahana untuk menstrukturkan semula kekuasaan politik Uthmaniyyah, menegakkan autoriti sultan dan mengekang pengaruh oligarki lama. Makalah ini bertujuan mengungkap secara retrospektif kesinambungan gagasan tersebut dengan menelusuri warisan sejarah pembangunan *Nizam-i Cedit* dihidupkan semula dalam bentuk baharu melalui pembentukan *Segban-i Cedit* dan *Asakir-i Mansure-i Muhammadiye*, di samping membentuk asas transformasi tadbir urus politik dan ketenteraan Uthmaniyyah pada abad ke-19M. Penulisan ini bersifat kajian kualitatif dengan pengaplikasian reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data dengan memfokuskan pada beberapa sumber yang meyakinkan. Manakala bagi kaedah analisis data, kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif menerusi analisis kritikan dalaman dan kritikan luaran terhadap dokumen dan teks sejarah yang relevan. Dapatan kajian ini menghujahkan bahawa Mahmud II berjaya membangkit dan menyalurkan semangat *Nizam-i Cedit* sebagai pembaharuan dasar tadbir urus ketenteraan Uthmaniyyah pada abad ke-19M. Menerusi pembentukan *Asakir-i Mansure-i Muhammadiye* dan penghapusan golongan kor Janissari pada tahun 1826, Mahmud II menstrukturkan semula hierarki sosial tentera, memperkukuh kawalan fiskal dan mewujudkan bentuk pemerintahan baharu yang mencorak kembali kesetiaan masyarakat agar berpaksikan idea menyatupadukan tradisi Islam dengan kehendak dan keperluan moden pada era tersebut. Usaha pembaharuan Mahmud II wajar difahami bukan hanya sebagai pemodenan aspek ketenteraan, akan tetapi sebagai reformasi politik dan falsafah tadbir urus yang mengubah wajah Kerajaan Uthmaniyyah daripada warisan monarki kepada pemerintahan moden yang berdaulat bagi mendalami pemahaman berkenaan dinamika ketenteraan Uthmaniyyah merentas pelbagai zaman.

Kata kunci: Mahmud II, ketenteraan Uthmaniyyah, kor janissari, *Nizam-i Cedit*, *Vaka-i Hayriye*, *Segban-i Cedit*, *Asakir-i Mansure-i Muhammadiye*

Abstract

The Ottoman military reforms during the reign of Mahmud II (1808-1839) were not merely a reaction to the decline of influence and power of the Janissary corps, but rather a manifestation of the revival of Ottoman political rationality and governance vision that sought to integrate centralized power, technology, and modern discipline grounded in the principles of modernization. In confronting the geopolitical pressures posed by Russia and Europe, Mahmud II employed the military reform agenda as a vehicle to restructure Ottoman political authority, reinforce the sultan's power, and curb the influence of the old oligarchy. This article aims to retrospectively examine the continuity of this reformist vision by tracing the historical legacy of the Nizam-i Cedit movement, which was revived in a new form through the establishment of the Segban-i Cedit and Asakir-i Mansure-i Muhammadiye, while also laying the foundation for political and military governance transformation in the nineteenth

* Ezad Azraai Jamsari (corresponding author) (MIS), Senior Lecturer, Research Centre for Arabic Language and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: ezad@ukm.edu.my.

** Muhammad Zharif Baharudin (MIS), Postgraduate Researcher, Research Centre for Arabic Language and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: zharifbaha@gmail.com.

*** Mohd Hafiz Safiai (PhD), Senior Lecturer, Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies & Institute of Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: hafizsafiai@ukm.edu.my.

century. The study adopts a qualitative approach through the application of historical research design and content analysis. Data were collected using the documentation method, focusing on several reliable and authoritative sources. For data analysis, the study employed a descriptive approach through internal and external critique of relevant historical documents and texts. The findings argue that Mahmud II successfully revitalized and channelled the spirit of *Nizam-i Cedid* as the core of Ottoman military governance reform in the nineteenth century. Through the establishment of the *Asakir-i Mansure-i Muhammadiye* and the abolition of the *Janissaries* in 1826, Mahmud II restructured the social hierarchy of the military, strengthened fiscal control, and created a new form of governance that reoriented societal loyalty around the ideal of reconciling Islamic traditions with modern needs and aspirations of the time. Therefore, Mahmud II's reform efforts should be understood not merely as a modernization of the military sphere, but as a broader political and administrative reform that transformed the Ottomans from a monarchical legacy into a sovereign modern government, thus offering a deeper understanding of the dynamics of Ottoman military evolution across different eras.

Keywords: Mahmud II, Ottoman military, janissary corps, *Nizam-i Cedid*, *Vaka-i Hayriye*, *Segban-i Cedid*, *Asakir-i Mansure-i Muhammadiye*

Pengenalan

Sejarah ketenteraan Uthmaniyyah pada abad ke-19M menampilkan satu fasa pergolakan yang bukan sahaja menguji daya tahan institusi lama Janissari, malah membuka ruang kepada percubaan berani untuk penstrukturan semula teras kekuatan ketenteraan Uthmaniyyah. Di persimpangan antara tradisi dan kemodenan ini, warisan pasukan *Nizam-i Cedid* dijadikan sebagai gagasan pemodenan ketenteraan Uthmaniyyah yang diilhamkan oleh Selim III, namun kematangan tahap pelaksanaannya berjaya dicapai di bawah pemerintahan Mahmud II (1808-1839). Usaha reformasi Mahmud II sering ditafsirkan hanya menerusi peristiwa *Vaka-i Hayriye* (1826), iaitu pembubaran Kor Janissari, sedangkan kesinambungan prinsip, organisasi dan doktrin *Nizam-i Cedid* jarang dibicarakan secara tuntas. Justeru, kupasan penulisan ini tampil sebagai prakarsa retrospektif untuk menelusuri warisan tersembunyi tersebut, di samping menghubungkan benang-benang halus antara gagasan reformasi Selim III dengan strategi pemodenan Mahmud II dalam membina sebuah angkatan ketenteraan yang berdisiplin, moden dan berpaksikan autoriti berpusat selain menekankan konsep pemodenan dalam pemerintahan.

Akan tetapi, usaha reformasi ini tidak lahir tanpa cabaran yang sengit. Selim III sendiri gagal melaksanakan keseluruhan agenda *Nizam-i Cedid* apabila berhadapan dengan penentangan keras daripada pasukan Kor Janissari dan golongan ulama konservatif yang menganggap pembaharuan itu sebagai ancaman terhadap tradisi ketenteraan dan pertahanan Uthmaniyyah. Penentangan tersebut akhirnya membawa kepada pemberontakan *Kabakçı Mustafa* pada 1807, yang bukan sahaja menggulingkan Selim III turut juga meragut nyawa Selim III sendiri.¹ Peristiwa ini tercatat sebagai luka peradaban yang membayangi setiap percubaan reformasi dalam sejarah Uthmaniyyah, satu tanda jelas yang menunjukkan sebarang percubaan reformasi tidak akan berjaya selagi golongan Janissari wujud sebagai kuasa dominan dalam arena politik dan ketenteraan Uthmaniyyah. Bagi Mahmud II, pengalaman getir ini lebih bersifat peribadi, kerana ketika menggenggam tampuk pemerintahan pada 1808, Mahmud II sendiri nyaris dibunuh oleh pihak Janissari, satu peristiwa yang meninggalkan kesan mendalam pada strategi politiknya. Mahmud II menyedari sebarang usaha pemodenan hanya dapat dilaksanakan setelah pengaruh Janissari berjaya dihapuskan sepenuhnya. Justeru, Mahmud II menghabiskan hampir 18 tahun pertama dalam pemerintahannya untuk membina semula jaringan politik dan kader ketenteraan yang setia, sambil menunggu waktu yang sesuai untuk melancarkan tindakan muktamad.

Titik tolak itu akhirnya hadir pada tahun 1826 dengan kejadian *Vak'a-i Hayriye* (Peristiwa yang Menguntungkan), iaitu pembubaran secara paksa Kor Janissari dan sekutunya golongan *Bektaşî*² yang sekian lama menjadi penghalang utama dalam usaha reformasi Uthmaniyyah,³ khususnya pada era awal abad ke-19M. Dengan strategi licik, sokongan ulama melalui fatwa serta mobilisasi pasukan setia yang

¹ Süheyla Yenidünya, "Kaos ve kriz ortamında (1807-1808) Fransa'nın babıâli üzerindeki etkisi," *History Studies: International Journal of History* 5, no. 1 (2013): 405-424; Aysel Yıldız Danacı, "Istanbul during the events of 1807 and 1808," *History of Istanbul* (2019), akses 2 September 2025, <https://istanbultarihi.ist/414-istanbul-during-the-events-of-1807-and-1808>.

² Esat Efendi, *Üss-i Zafer 1241* (tanpa penerbit, 1827), 207.

³ Fahri Maden, "Yeniçerilik-Bektaşîlik ilişkileri ve Yeniçeri isyanlarında Bektaşîler," *Türk Kültürü ve Hacı Bektaş Veli Araştırma Dergisi* 73 (2015): 173-202.

terlatih dengan model Eropah, Mahmud II berjaya menundukkan golongan Janissari dalam sebuah peristiwa berdarah yang menutup tirai ratusan tahun kewujudan institusi eksklusif tersebut. Menurut Topal,⁴ dalam usaha melegitimasi langkah radikal tersebut, Mahmud II juga menggunakan naratif *tecdid* (pembaharuan agama dan politik), yang menempatkan dirinya sebagai seorang *müceddid* (pembaharu abad). Strategi simbolik ini tidak sahaja mengaitkan agenda pemodenan dengan wacana keagamaan, tetapi juga memberi jaminan moral kepada ulama dan masyarakat bahawa reformasi yang dilaksanakan bukanlah penyelewengan daripada tradisi Islam, sebaliknya satu usaha menyelamatkan pemerintahan Uthmaniyyah daripada kehancuran.⁵

Cakupan Holistik Kajian

Sumber-sumber historiografi Uthmaniyyah lazimnya memusatkan naratif reformasi Mahmud II pada peristiwa dramatik *Vaka-i Hayriye*, dengan kupasan seperti pencerakinan Stephanov⁶ yang menekankan aspek politik dan simbolisme kuasa, sementara garapan Andic dan Andic⁷ pula menyoroti keberhasilan dan kegagalan reformasi institusi tersebut. Namun, dimensi kesinambungan *Nizam-i Cedid* dalam bentuk *Segban-i Cedid* dan *Asakir-i Mansure-i Muhammadiye* masih memerlukan penelitian yang lebih terperinci, khususnya dalam konteks adaptasi taktikal, pemodenan struktur artileri, pembaharuan *recruitment* serta penubuhan institusi pendidikan ketenteraan. Hasil penulisan seperti Biçer⁸ dan Şimşek⁹ turut menyumbang maklumat berkenaan peristiwa pasca-*Vaka-i Hayriye*, namun belum menggabungkan secara menyeluruh perspektif institusional, geopolitik dan strategi kuasa pusat dalam satu kerangka analisis bersepadu. Di samping itu, terdapat dua permasalahan utama yang mendorong kepada penulisan makalah ini hasil daripada garapan para sarjana di atas. Pertama, wacana sejarah cenderung mengasingkan pembaharuan Mahmud II daripada legasi *Nizam-i Cedid*, seolah-olah ia sebuah permulaan yang terputus daripada usaha pemodenan Selim III sebelum ini. Kedua, ketiadaan kajian yang meneliti secara mendalam berkenaan elemen sejarah ketenteraan era Mahmud II, yang menyebabkan pemahaman tentang evolusi ketenteraan Uthmaniyyah menjadi bercabang. Kelompangan ini menuntut sebuah analisis retrospektif yang menggabungkan dimensi sejarah ketenteraan, politik dan institusi dalam satu naratif sejarah yang menyeluruh.

Usaha reformasi Mahmud II hakikatnya merupakan kelangsungan dan penjaan idea-idea pembaharuan yang telah dimulakan oleh sepupunya, Selim III melalui *Nizam-i Cedid*. Namun, dalam wacana historiografi, kesinambungan ini acapkali digambarkan secara kabur. Justeru, reformasi ketenteraan Uthmaniyyah era Mahmud II sering dikaitkan secara langsung dengan pembubaran Janissari pada tahun 1826, yang dikenali sebagai *Vaka-i Hayriye* atau *the Auspicious Incident*, tanpa menghubungkannya secara jelas dengan pengaruh atau pengambilalihan elemen *Nizam-i Cedid*. Terdapat juga kekaburan dalam sumber sejarah yang pelbagai berkenaan sama ada prinsip, struktur, latihan dan organisasi ketenteraan *Nizam-i Cedid* diteruskan atau diubah suai pada zaman pemerintahan Mahmud II.

Keputusan Selim III untuk memperkenalkan *Nizam-i Cedid* sebagai asas pemodenan ketenteraan Uthmaniyyah berakhir dengan kejatuhannya pada tahun 1807, apabila baginda digulingkan dan pasukan baharu itu dibubarkan. Reaksi keras daripada Janissari dan sekutu konservatif dalam kelas pemerintah menandakan betapa sukarnya pembaharuan tersebut untuk diterima. Namun, kegagalan itu tidak bermakna berakhirnya cita-cita reformasi berkenaan. Saki-baki penyokong Selim III, dipimpin oleh Bayraktar (atau Alemdar) Mustafa Paşa, bangkit menentang *status quo* dan akhirnya menaikkan Mahmud II ke takhta pada tahun 1808, seorang sultan muda yang juga dikatakan mewarisi idealisme reformis sepupunya.¹⁰ Meskipun begitu, wacana sejarah sering menggambarkan Mahmud II sebagai pencetus tunggal pemodenan ketenteraan, khususnya setelah penghapusan Janissari pada tahun 1826 melalui peristiwa *Vaka-i Hayriye*.¹¹ Penekanan terhadap peristiwa dramatik tersebut telah

⁴ Alp Eren Topal, "Political reforms as religious revival: Conceptual foundations of Tanzimat," *Oriente Moderno* 101, no. 2 (2021): 153-180.

⁵ Gábor Ágoston, "Military transformation in the Ottoman Empire and Russia, 1500-1800," *Kritika: Explorations in Russian and Eurasian History* 12, no. 2 (2011): 281-319.

⁶ Darin N. Stephanov, *Ruler Visibility and Popular Belonging in the Ottoman Empire, 1808-1908* (Edinburgh University Press, 2019), 16.

⁷ Fuat M. Andic dan Suphan Andic, *Reforming Ottoman Governance: Success, Failure, and the Path to Decline* (Gorgias Press, 2014), 79.

⁸ Ramazan Hüseyin Biçer, "Vakayî Hayriye sonrası bazı Yeniçeri faaliyetleri ve alınan önlemler," *IV. Uluslararası Türklerin Dünyası Sosyal Bilimler Sempozyumu* (2020), 619-626.

⁹ Veysel Şimşek, "Ottoman military recruitment and the recruit: 1826-1853," Tesis Sarjana, Bilkent University, Ankara (2005), 57.

¹⁰ Stanford Jay Shaw dan Ezel Kural Shaw, *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey: Vol. 2. Reform, Revolution, and Republic: The Rise of Modern Turkey, 1808-1975* (Cambridge University Press, 1977), 1.

¹¹ Biçer (2020), "Vakayî Hayriye sonrası bazı Yeniçeri faaliyetleri ve alınan önlemler," 619-626.

menenggelamkan hakikat bahawa agenda reformasi Mahmud II sebenarnya adalah kelangsungan dan pengintensifan idea *Nizam-i Cedid* yang digagaskan oleh Selim III. Jurang ini menimbulkan persoalan akademik mengenai sejauh mana transformasi ketenteraan di bawah Mahmud II wajar difahami bukan sebagai keputusan, tetapi sebagai kesinambungan yang berpaut pada warisan reformasi sebelumnya. Kesinambungan antara Selim III dan Mahmud II dapat dicerakinkan secara saling berkait, sekali gus membetulkan naratif sejarah yang cenderung melihat pemodenan ketenteraan Uthmaniyyah sebagai terpisah.¹²

Makalah ini bertujuan mengungkap secara retrospektif kesinambungan gagasan tersebut dengan menelusuri warisan sejarah pembangunan *Nizam-i Cedid* dihidupkan semula dalam bentuk baharu melalui pembentukan *Segban-i Cedid* dan *Asakir-i Mansure-i Muhammadiye*, di samping membentuk asas transformasi tadbir urus politik dan ketenteraan Uthmaniyyah pada abad ke-19M. Tujuan penulisan ini mempertautkan tiga dimensi utama kajian, iaitu institusi, konteks pemerintahan dan momen peralihan bagi melahirkan tafsiran historiografi yang meneliti pelaksanaan reformasi Mahmud II merupakan kesinambungan idealisme *Nizam-i Cedid* atau sebuah keputusan tegas daripada tradisi lama. Penulisan ini bersifat kajian kualitatif dengan pengaplikasian reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data dengan memfokuskan pada beberapa sumber yang meyakinkan. Manakala bagi kaedah analisis data, kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif menerusi analisis kritikan dalaman dan kritikan luaran terhadap dokumen dan teks sejarah yang relevan. Pendekatan ini membolehkan penelitian bukan sahaja pada tahap fakta empirikal, tetapi juga pada naratif intelektual dan konteks geopolitik yang membentuk landskap reformasi ketenteraan tersebut.

Latar Belakang Kehidupan Mahmud II

Mahmud II, yang nama penuhnya ialah Mahmud Han bin Abdülhamid, *el-Muzaffer Daima*, dilahirkan pada 13 Ramadan 1199 Hijrah bersamaan 20 Julai 1785 Masihi di Istana Topkapi, Istanbul.¹³ Mahmud II ialah putera bongsu kepada Abdülhamid I (1774-1789), pemerintah Uthmaniyyah ke-27, yang dikurniakan 12 orang anak perempuan dan tujuh orang anak lelaki, termasuk Mahmud II yang kemudiannya menaiki takhta.¹⁴ Ibunda Mahmud II bernama Nakşidil Valide Sultan, seorang daripada harem Abdülhamid I, yang terkenal dengan pengaruhnya terhadap putera ini sehingga pernah menasihatkan agar kediaman diraja dipindahkan daripada Istana Topkapi ke Istana Besiktas. Dalam hal yang berkaitan dengan asal-usul ibu Mahmud II, Ferté-Meun¹⁵ dalam Isom-Verhaaren,¹⁶ mengatakan yang ibunya ialah seorang wanita berketurunan Perancis bernama Aimée du Buc de Rivéry.

Namun demikian, sumber-sumber sejarah tidak mengemukakan bukti yang meyakinkan kerana Ferté-Meun¹⁷ yang menulis surat ini tidak mengenal pasti sumber maklumatnya, bahkan dokumen menunjukkan Aimée masih berada di Perancis pada tahun 1788, selepas Mahmud dilahirkan.¹⁸ Nakşidil Valide Sultan mangkat pada tahun 1817 ketika berusia 56 tahun akibat penyakit asma atau batuk kering. Dalam lingkungan keluarganya, Mahmud II juga mempunyai kakak perempuan bernama, Esma Sultan, yang dikenali di Istanbul kerana kemewahan dan gaya hidupnya. Semasa kecil, kehidupan Mahmud II banyak dihabiskan di Istana Topkapi, namun kehidupan Mahmud II berubah seawal usia lima tahun apabila ayahandanya mangkat pada tahun 1789. Semenjak itu, Mahmud II dipelihara oleh sepupunya, Selim III, yang menganggapnya seperti anak kandung memandangkan Selim III tidak mempunyai zuriat. Selim III telah mendidik dan menanam dalam diri Mahmud II semangat reformasi serta kematangan dalam menghadapi cabaran politik, seolah-olah umpama balasan atas budi Abdülhamid I yang memelihara Selim III dan adik-beradiknya sebelum ini. Menurut Saydam,¹⁹ walaupun tradisi *kafes* atau kurungan putera masih wujud dalam istana Uthmaniyyah, tiada catatan jelas yang menunjukkan

¹² Mehrdad Kia, *The Ottoman Empire: A Historical Encyclopedia*, Vol. 2 (ABC-CLIO, 2017), 58.

¹³ Sibel Ak, "TSMK'da bulunan III. Murad tuğrasının desen ve renk yönünden incelenmesi," Tesis Sarjana, Fatih Sultan Mehmet Vakıf Üniversitesi, Istanbul (2013), 16.

¹⁴ Darin Stephanov, "Mahmud II," dalam *The Encyclopaedia of Islam*, Three (Brill, 2021), 110-113.

¹⁵ Comtesse de La Ferté-Meun, *Lettres sur le Bosphore, ou Relations d'un Voyage à Constantinople et en Différentes Parties de l'Orient, les années 1816, 1817, 1818, et 1819*, ed. 2 (Chez Locard et Davi, 1822), 329-331.

¹⁶ Christine Isom-Verhaaren, "Royal French women in the Ottoman Sultans' harem: The political uses of fabricated accounts from the sixteenth to the twenty-first century," *Journal of World History* 17, no. 2 (2006): 185.

¹⁷ Ferté-Meun, *Lettres sur le Bosphore, ou Relations d'un Voyage à Constantinople*, 329-331.

¹⁸ Jean Deny, "Wālide Sultān," dalam *The Encyclopaedia of Islam: A Dictionary of the Geography, Ethnography and Biography of the Muhammadan Peoples*, Vol. 4 (E.J. Brill, 1913), 1117.

¹⁹ Abdullah Saydam, "Kaht-ı ricâl girdâbında saltanat sürmek: II. Mahmud ve yönetici kadro (1808-1826)," *Osmanlı Medeniyeti Araştırmaları Dergisi* 23 (2024): 271-95.

Mahmud II menjalani tempoh kurungan tersebut. Namun, Mahmud II pernah melalui saat getir apabila dikurung bersama Selim III pada ketika Mustafa IV merampas takhta Uthmaniyyah. Dalam peristiwa tersebut, Selim III telah dibunuh, akan tetapi Mahmud II berjaya diselamatkan oleh pihak petugas istana, termasuk seorang hamba perempuan bernama Cevri Kalfa. Pada 28 Julai 1808, ketika berusia 23 tahun, Mahmud II ditabalkan sebagai sultan, menandakan permulaan satu era baharu dalam sejarah politik dan ketenteraan Uthmaniyyah.

Mahmud II digambarkan sebagai individu yang matang, berhati-hati, bijaksana, berazam tinggi serta memiliki ketegasan yang terserlah dalam setiap keputusan pentadbiran. Sebagaimana dihuraikan oleh Abu-Manneh,²⁰ sikap berhati-hati yang diwarisi daripada ayahandanya, Abdülhamid I, terpancar jelas dalam tindak-tanduk Mahmud II, antaranya ketika mengesan konspirasi Mehmed Ali Paşa lalu menyebarkan propaganda melalui akhbar untuk mengekang pengaruhnya. Ketegasan Mahmud II tercermin dalam keengganannya berkompromi terhadap sebarang ancaman dalam pemerintahan Uthmaniyyah, malah Mahmud II sanggup merancang hampir 18 tahun sebelum akhirnya memansuhkan Kor Janissari, satu langkah yang menjadi tanda keberanian dari sudut politik. Dalam kehidupan peribadi, Mahmud II juga menzahirkan kecintaan yang mendalam dalam bidang seni. Mahmud II menjemput pemuzik Eropah ke istana untuk memperkenalkan tradisi muzik Barat, di samping mengasah kemahiran peribadinya dalam seni kaligrafi.²¹ Hasil tangan Mahmud II masih terpacat di beberapa monumen agung di kota Istanbul, termasuk Masjid Eyüp Sultan dan Masjid Hagia Sophia. Derman²² menyatakan *levha* (tulisan kaligrafi) Mahmud II menonjol dengan gaya *celi sülüs* yang kemas dan seimbang, hampir setaraf dengan karya gurunya, Mustafa Râkım, dan antara contoh teks kaligrafi Mahmud II ialah tulisan yang mafhumnya: “Tidak ada kejayaan kecuali dengan pertolongan Allah” (al-Qur’an, Hud: 88).

Selain daripada peranannya sebagai reformis politik, Mahmud II turut dikenali dengan kecenderungannya dalam aktiviti lapangan yang menzahirkan ketangkasan tubuh dan wibawa kepahlawanan. Mahmud II turut memberi perhatian khusus kepada *binicilik* (seni menunggang kuda), di samping mengekalkan tradisi istana yang melibatkan para *cüündi* (atlet istana) dalam pelbagai kegiatan fizikal seperti memanah, gusti, tembakan senapang dan permainan tombak. Kecenderungan ini seiring dengan warisan tradisi Uthmaniyyah dengan ramai sultan terdahulu yang masyhur dengan kemahiran berkuda.²³ Mahmud II mampu memanah sejauh 804 meter, satu pencapaian luar biasa dan jarang dicapai, yang sekali gus memperlihatkan tahap kemahiran serta kekuatan jasmani yang dimilikinya.²⁴ Malah, akhbar rasmi *Takvim-i Vekayi* turut memujinya sebagai seorang pemanah berbakat besar, meneguhkan lagi kedudukannya sebagai seorang daripada tokoh penting dalam kesinambungan tradisi sukan ketenteraan Uthmaniyyah.²⁵ Şeyhülislam Abdulwahhab Efendi turut menggambarkan Mahmud II bukan sekadar seorang sultan, tetapi juga seorang tokoh reformis dan pembaharu, bahkan seorang penyelamat harapan zaman ummah pada ketika itu.²⁶

Dalam usaha membina imej pemerintah moden, Mahmud II memanfaatkan sepenuhnya kaedah propaganda dan strategi visibiliti umum yang belum pernah dilaksanakan oleh pendahulunya. Afyoncu²⁷ menyatakan pada tahun 1831, Mahmud II melancarkan penerbitan *Takvim-i Vekayi*, akhbar rasmi pertama Kerajaan Uthmaniyyah sebagai medium penyebaran dasar pemusatan serta kempen politiknya.²⁸ Menariknya, akhbar ini diterbitkan bukan sahaja dalam bahasa Turki, malah juga dalam bahasa Yunani, Armenia, Arab dan juga Parsi, dianggap sebagai satu prakarsa bijak yang memastikan capaian luas merentasi kepelbagaian etnik serta agama dalam pemerintahan. Selepas penghapusan

²⁰ Butrus Abu-Manneh, “Mehmed Ali Paşa and Sultan Mahmud II: The genesis of a conflict,” *Turkish Historical Review* 1, no. 1 (2010): 1-24.

²¹ Evren Kutlay Baydar, *Osmanlı'nın Avrupalı Müzisyenleri* (Kapı Yayınları, 2010), 188.

²² Mustafa Uğur Derman, *Letters in Gold: Ottoman Calligraphy from the Sakıp Sabancı Collection*, Istanbul (The Metropolitan Museum of Art, 1998), 112.

²³ Ayhan Dever dan Ahmet Islam, “Tarihsel süreç içerisinde Türk kültüründe spor algısı,” *Manas Sosyal Araştırmalar Dergisi* 4, no. 5 (2015): 46-61.

²⁴ Hatice Akın Zorba, “Evliya Çelebi seyahatnâmesi’ne göre Osmanlı imparatorluğu’nda spor,” *International Journal of Science Culture and Sport* 2, no. S11 (2016): 721-732.

²⁵ Özgür Türesay, “The political language of *Takvim-i Vekayi*: The discourse and temporality of Ottoman ‘reform’ (1831-1834),” *European Journal of Turkish Studies: Social Sciences on Contemporary Turkey* 31 (2020): <https://journals.openedition.org/ejts/6874>.

²⁶ Seyfettin Ersahin, “Westernization, Mahmud II, and the virtue tradition,” *American Journal of Islam and Society* 23, no. 2 (2006): 37-62.

²⁷ Erhan Afyoncu, “Reconstructing an Empire: Mahmud II’s drastic change in state structure,” *Daily Sabah* (2018), akses 2 September 2025, <https://www.dailysabah.com/feature/2018/07/06/reconstructing-an-empire-mahmud-iis-drastic-change-in-state-structure>.

²⁸ Aziz Tekdemir, “Osmanlı devleti’nde ilk ticari gazete: Ceride-i ticaret,” *Trakya Üniversitesi Sosyal Bilimler Dergisi* 13, no. 1 (2011): 209-221.

Janissari pada tahun 1826, yang dikenali sebagai peristiwa *Vaka-i Hayriye*, Mahmud II memperhebatkan kehadirannya di khalayak ramai dengan kerap berjalan menuju untuk menunaikan solat Jumaat melalui pasar yang sesak, seolah-olah menggambarkan dirinya sebagai seorang pemerintah yang sederhana dan mudah didekati. Tradisi baharu turut diperkenalkan melalui perarakan ketenteraan bergaya Eropah yang Mahmud II sendiri memeriksa perbarisan berkenaan dan buat pertama kalinya golongan bukan Islam dibenarkan hadir tanpa gangguan. Menurut Aksan,²⁹ kehadiran awam yang terbuka ini bukan sahaja menampilkan imej kuasa golongan tentera, tetapi juga memupuk kesetiaan pelbagai masyarakat terhadap pihak pemerintah.

Pada penghujung hayatnya, Mahmud II berdepan dengan derita penyakit batuk kering yang perlahan-lahan melemahkan tubuhnya.³⁰ Namun, sifat enggan mengakui kelemahan diri menyebabkan Mahmud II menolak nasihat para tabib, tidak mematuhi rawatan serta corak pemakanan yang dicadangkan mempercepatkan kemerosotan kesihatannya. Dalam keangkuhan seorang pemerintah yang tidak mahu dilihat lemah, Mahmud II berusaha menyembunyikan penyakitnya daripada pengetahuan doktor, seolah-olah tubuhnya masih utuh menanggung beban pentadbiran sebuah kerajaan. Pada usia 54 tahun, Mahmud II mangkat pada 1 Julai 1839 menurut catatan Sultanoğlu et al.,³¹ namun Akyıldız³² menyangkal tarikh tersebut dengan bersandar pada keterangan Rosen³³ yang mencatatkan hari kemangkatan sebagai 30 Jun 1839 di kediaman kekandanya, Esma Sultan. Sebagaimana diperincikan oleh Akyıldız,³⁴ suasana selepas kemangkatan Mahmud II diselimuti dengan duka oleh seluruh lapisan masyarakat Uthmaniyyah, termasuk golongan umat Islam, Yahudi mahupun Kristian mereka berbaris di sepanjang jalan untuk memberi penghormatan terakhir.³⁵ Jenazahnya kemudian dimakamkan di Jalan Divanyolu, Çemberlitaş, iaitu sebuah lokasi berprestij di tengah kota Istanbul. Kemangkatan Mahmud II bukanlah satu titik noktah dalam menobatkan pemodenan dalam tadbir urus Uthmaniyyah, akan tetapi sebagai satu prolog kepada usaha reformasi yang diwarisinya untuk generasi seterusnya.

Sistem Pentadbiran Uthmaniyyah Era Mahmud II

Tatkala Mahmud II diangkat ke takhta pada 28 Julai 1808, pemerintahan Uthmaniyyah sedang bergelut antara warisan lama yang membelenggu dan bayangan masa depan yang menuntut pembaharuan. Mahmud II bukan sekadar pewaris takhta, tetapi seorang pemimpin yang memahami kemegahan Uthmaniyyah hanya dapat dipulihkan dengan keberanian memutuskan akar tradisi yang sudah ketinggalan. Mahmud II memahami pembaharuan sejati bukan sekadar memperkenalkan institusi baharu, tetapi menuntut pemusnahan penghalang lama yang menahan arus perubahan. Lantas, pemerintahan Mahmud II bermula dengan perancangan rapi, mengumpul penyokong, menempatkan orang setia dalam setiap sendi pentadbiran dan mengatur permainan kuasa dengan ketelitian seorang pemain politik. Selama hampir dua dekad pertama pemerintahannya, Mahmud II memusatkan kuasa di tangan istana, mengikis sedikit demi sedikit autonomi pembesar wilayah atau dikenali sebagai *derebey* dan golongan elit konservatif. Para pegawai kanan Kor Janissari diganti dengan mereka yang lebih setia kepada istana seperti Hüseyin Ağa Paşa, sementara musuh politik seperti Mehmet Sait Halet Efendi disingkirkan bagi membuka ruang Mahmud II untuk mengatur peta kekuasaan tanpa gangguan. Kuasa tradisional golongan tentera dan agamawan dikurangkan, diganti dengan birokrasi moden yang tersusun di bawah kawalan *Sublime Porte*.³⁶ Gaji tetap diperkenalkan bagi pegawai, kod jenayah diperbaharui untuk menjamin keadilan tanpa mengira pangkat dan hukuman sewenang-wenangnya dihapuskan, semua ini demi membentuk kerajaan pusat yang lebih bersih dan teratur.

Setelah pembubaran Kor Janissari pada tahun 1826, Mahmud II melanjutkan langkah pemodenannya dengan mengetepikan institusi-institusi lain yang memiliki hubungan rapat dengan kor tersebut. Sasaran utama ialah tarekat *Bektaşî Dervîş*, sebuah persaudaraan sufi yang sejak awal menjadi penyokong

²⁹ Virginia Harris Aksan, *Ottoman Wars, 1700-1870: An Empire Besieged* (Routledge, 2007), 4.

³⁰ Hasan Sultanoğlu et al., "Sultan Mahmud II's diseases and cause of death from the perspective of medical doctor's and current medical literature," *Health Sciences Quarterly* 3, no. 4 (2023): 229-239.

³¹ Sultanoğlu et al., "Sultan Mahmud II's diseases and cause of death," 229-239.

³² Ali Akyıldız, "Sultan II. Mahmud'un hastalığı ve ölümü," *Türk Kültürü İncelemeleri Dergisi* 4 (2001): 53-90.

³³ Georg Rosen, *Geschichte der Türkei von dem Siege der Reform im Jahre 1826 bis zum Pariser Tractat vom Jahre 1856: Von der Vertilgung der Janitscharen bis zum Tode Machmuds II (Bd. I)* (Salomon Hirzel, 1866), 299-300.

³⁴ Akyıldız, "Sultan II. Mahmud'un hastalığı ve ölümü," 53-90.

³⁵ Ernst Hermann Joseph Münch, *Mahmud II., Padischah der Osmanen: Sein Leben, seine Regierung und seine Reformen, nebst Blicken auf die nächste Gegenwart und die Zukunft des türkischen Reichs* (Verlag von Adolph Krabbe, 1839), 215-216.

³⁶ Shaw dan Shaw, *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, 36.; Şahin Doğan, "Osmanlı reform çağında yönetici elit sınıfı (1826-1878)," *Mediterranean Journal of Humanities* 3, no. 1 (2013): 253-260.

rohani dan sumber legitimasi sosial bagi golongan Janissari. Pada 10 Julai 1826, kepimpinan tertinggi *Bektaşî* dihukum bunuh, manakala pusat-pusat tarekatnya dimusnahkan.³⁷ Harta dan aset mereka dirampas serta diserahkan kepada golongan ulama lain untuk dimanfaatkan sebagai masjid, sekolah dan kemudahan awam lain, selaras dengan visi Mahmud II untuk menghapuskan akar pengaruh Janissari dari ruang sosial dan keagamaan.

Pembaharuan tadbir urus yang dilaksanakan oleh Mahmud II adalah berteraskan prinsip pemusatan kuasa dengan matlamat utama mengukuhkan kerajaan pusat serta menstabilkan pentadbiran kerajaan. Menurut Abu-Manneh,³⁸ Mahmud II bertindak untuk mengurangkan kuasa politik para pembesar *ayan* (wilayah) dan memusatkan autoriti pentadbiran di tangan sultan sendiri. Seiring dengan itu, struktur birokrasi kerajaan pusat disusun semula mengikut model Eropah dengan pembahagian peranan dan fungsi kepada kementerian khusus. Perubahan besar berlaku pada tahun 1838 apabila jawatan *sadrâzam* atau *grand vizier* digantikan dengan kedudukan *başvekil* (perdana menteri), yang kuasanya dihad dan diletakkan terus di bawah kawalan sultan.³⁹ Kuasa *şeyhulislam* pula turut dikecilkan dengan menjadikannya hanya sebagai seorang daripada menteri dalam kabinet, yang tugasnya khusus dalam hal-ehwal agama. Selain itu, Mahmud II juga menubuhkan majlis-majlis penasihat,⁴⁰ malah istilah Tanzimat sendiri lahir daripada dekri penubuhan majlis tersebut. Dari aspek birokrasi moden, beliau memperkenalkan sistem gaji tetap untuk penjawat awam serta menjadikan pelantikan mereka sebagai perjawatan kekal, tidak lagi berdasarkan kontrak tahunan. Süme⁴¹ menjelaskan di peringkat wilayah, Mahmud II memulakan pembaharuan cukai dengan melaksanakan bancia serta tinjauan *kadaster* bagi membentuk sistem percukaian yang lebih adil berdasarkan kemampuan membayar, di samping melantik *muhtar* (wakil kerajaan pusat) di setiap daerah dan kota untuk mengukuhkan kawalan pusat terhadap wilayah.

Pada tahun-tahun terakhir pemerintahannya, Mahmud II menumpukan perhatian kepada usaha mematahkan kuasa pembesar wilayah atau dikenal sebagai *derebey*, yang selama berabad menjadi kuasa autonomi di luar kawalan langsung istana. Melalui langkah terancang, Mahmud II merampas tanah-tanah *fief* milik *derebey* yang secara nominal dikembalikan kepada kerajaan pusat. Usaha ini turut disertai dengan percubaan memulihkan pemerintahan langsung Uthmaniyyah di wilayah-wilayah Arab yang jauh dari pusat, meskipun pelaksanaannya sering berdepan cabaran seperti mana yang berlaku di Hijaz⁴² serta Syria dan Iraq.⁴³ Secara strategik, Mahmud II pada awalnya melemahkan kuasa gabenor dengan memindahkan banyak fungsi mereka kepada pegawai yang dihantar dari Istanbul dan bertanggungjawab terus kepada pusat. Namun, pendekatan ini kemudiannya diubah kepada kerjasama dengan gabenor dengan memulihkan sebahagian kuasa mereka sambil memastikan kawalan pusat tetap dominan dan kedudukan gabenor sebagai ejen tunggal kerajaan pusat di wilayah Uthmaniyyah.⁴⁴

Mahmud II mangkat pada tahun 1839 akibat penyakit tuberkulosis, sebelum sempat menyaksikan sepenuhnya hasil daripada usaha pembaharuannya yang begitu intensif dan holistik.⁴⁵ Meskipun hayatnya berakhir sebelum matlamat akhirnya tercapai, namun warisan reformasi yang digerakkannya telah menjadi tulang belakang serta model konseptual dan institusional bagi era Tanzimat yang menyusul tidak lama selepas itu. Mahmud II mengasaskan satu era yang memperlihatkan lonjakan daripada sistem pemerintahan tradisional yang berpecah dan berlapis, kepada satu struktur pentadbiran yang lebih tersusun, birokratik dan berhierarki. Dalam konteks ini, Mahmud II memperkukuh fungsi *Bab-ı Ali* (*The Sublime Porte* atau kerajaan pusat), menstruktur semula hierarki kementerian dan jabatan, memperkenalkan kod undang-undang baharu serta mengawal selia institusi agama dan wilayah

³⁷ Hasan Fatih Öyük, "Revisiting the 1826 Bektaşî purge: Political-economy of confiscating endowment lands," *Kadim* 7 (2024): 71-91.

³⁸ Abu-Manneh, "Mehmed Ali Paşa and Sultan Mahmud II: The genesis of a conflict," 1-24.

³⁹ Ercüment Kuran, "Başvekil," dalam *TDV İslâm Ansiklopedisi*, Jil. 5 (TDV İslâm Araştırmaları Merkezi, 1992), <https://islamansiklopedisi.org.tr/basvekil>, h. 136-137.

⁴⁰ Michael Ursinus, "Holy mountain and supreme council: Mount Athos at the beginning of a new era," *Byzantine and Modern Greek Studies* 13, no. 1 (1989): 258-285.; Halim Kılıç, "Osmanlı devleti'nde Tanzimat reformlarını düzenleyici bir kurum olarak Şura-yı Devlet (1868-1876)," *Gazi Akademik Bakış* 14, no. 27 (2020): 203-220; Sadık Kocabaş, "Tanzimat dönemi'nden cumhurbaşkanlığı hükümet sistemine kadar Türk idari teşkilatında istişari kurullar," *Uluslararası Batı Karadeniz Sosyal ve Beşeri Bilimler Dergisi* 7, no. 1 (2023): 72-88.

⁴¹ Mehmet Süme, "Osmanlı devleti'nde taşrada muhtarlık teşkilatının kuruluşu: Bolu örneği," *Karen-Karadeniz Araştırmaları Enstitüsü Dergisi* 8, no. 14 (2022): 93-108.

⁴² Khaled Fahmy, "The era of Muhammad 'Ali Pasha, 1805-1848," dalam *The Cambridge History of Egypt: Vol. 2*, ed. Carl F. Petry dan Martin William Daly (Cambridge University Press, 1998), 153.

⁴³ Kamal Suleiman Salibi, "Middle Eastern parallels: Syria-Iraq-Arabia in Ottoman times," *Middle Eastern Studies* 15, no. 1 (1979): 70-81.

⁴⁴ Shaw dan Shaw, *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, 88.

⁴⁵ Rosen, *Geschichte der Türkei von dem Siege der Reform im Jahre 1826 bis zum Pariser Tractat vom Jahre 1856*, 299-300.

agar selari dengan kehendak kerajaan pusat.⁴⁶ Mahmud II dikenang bukan hanya sebagai seorang sultan, tetapi sebagai seorang *caliph-reformist* atau *caliph-sultan*, seorang sultan yang berani merombak warisan lapuk demi memastikan kelangsungan kerajaan dalam kerangka moden.⁴⁷

Sistem Ketenteraan *Nizam-i Cedid*

Pasukan *Nizam-i Cedid* muncul pada penghujung abad ke-18M sebagai percubaan berani Selim III untuk memodenkan ketenteraan Uthmaniyyah termasuk Kor Janissari, pasukan berkuda *Sipahi* serta unit penembak senjata api dan meriam agar lebih cekap, teratur dan moden bagi tujuan untuk menentang kuasa musuh luaran, terutama Rusia, yang sentiasa mengancam pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah. Penubuhannya bukan sekadar satu projek ketenteraan, tetapi sebuah manifestasi perubahan struktur dan pemikiran, melibatkan pembinaan institusi baharu, pengenalan taktik tempur moden dan penggunaan sumber ekonomi secara terancang demi memperkukuh kekuatan kerajaan pusat.⁴⁸ Namun, usaha ini mendapat tentangan sengit daripada Kor Janissari dan golongan konservatif, yang menganggapnya sebagai ancaman kepada kedudukan tradisional mereka. Ketegangan politik memuncak dan pada tanggal 29 Mei 1807, *Nizam-i Cedid* dibubarkan bersama-sama dengan penyingkiran Selim III dari takhta.⁴⁹

Penekanan kepada perihwal profesionalisme menjadi teras pembaharuan tadbir urus Mahmud II. Pasukan baharu yang dinamakan sebagai *Segban-i Cedid* dibentuk dengan menyerapkannya ke dalam struktur tentera *kapikulu* yang sedia ada, mengelakkan penggunaan nama *Nizam-i Cedid* demi meredakan kemarahan pihak Kor Janissari.⁵⁰ *Segban-i Cedid* lahir daripada iltizam reformasi awal Mahmud II dengan Bayraktar Mustafa Paşa sebagai *grand vizier* yang setia dan berpengaruh, bertindak sebagai pengasasnya pada tahun 1808. Merujuk kepada kenyataan Akyıldız,⁵¹ penubuhannya berlaku sejurus selepas termeterainya *Sened-i İttifak*, satu dokumen politik yang mengawal hubungan dan pengaruh antara kuasa pusat dan bangsawan wilayah. Teras *Segban-i Cedid* terdiri daripada 3,000 anggota pasukan senjata api yang diketuai oleh Kadı Abdurrahman Paşa, bersama golongan veteran *Nizam-i Cedid* yang terselamat. Arahan segera dikeluarkan bagi merekrut sukarelawan dari seluruh kerajaan, menghasilkan kira-kira 5,000 pendaftaran awal. Di samping itu, *topçu* (kor meriam) dan *top arabacıları* (gerabak meriam) yang dibina semasa pemerintahan Selim III turut dipulihkan. Demi meneguhkan kelahiran kor baharu ini, berek lama *Nizam-i Cedid* di Levent Çiftliği dan Üsküdar telah dibaik pulih, lalu secara rasmi diserahkan kepada *Segban-i Cedid* pada 3 Oktober 1808.⁵² Legasi Selim III diteruskan melalui sebuah percubaan baharu yang cuba menggabungkan tradisi lama dengan ilham pemodenan. Bayraktar Mustafa Paşa melihat keperluan untuk menghidupkan kembali semangat *Nizam-i Cedid*, namun beliau meninggal dunia pada 15 November 1808 sebelum berjaya mencapai tujuan penubuhannya.^{53, 54}

Pasukan ini tidak seperti pasukan ketenteraan Uthmaniyyah lain yang sering dibiaya oleh perbendaharaan kewangan tersendiri kerana pasukan *Segban-i Cedid* beroperasi tanpa sumber kewangan bebas. Sebagai gantinya, sebuah kementerian baharu, iaitu *Umur-u Cihadiye* (Kementerian Perang) ditubuhkan bagi menguruskan hasil dan pembiayaan yang diperlukan.⁵⁵ Pada peringkat awal, kor ini terdiri daripada sekitar 10,000 anggota bersama pegawai, namun visi Mahmud II jauh melangkaui angka tersebut.⁵⁶ Mahmud II membayangkan sebuah angkatan besar berjumlah 160,000 orang, dibahagikan secara teratur kepada 100 rejimen dan tiga divisyen, satu visi yang menggambarkan cita-cita untuk menandingi kuasa besar Eropah melalui pembentukan tentera moden yang tersusun.

⁴⁶ Aksan, *Ottoman Wars, 1700-1870: An Empire Besieged*, 187.

⁴⁷ Ersahin, "Westernization, Mahmud II, and the virtue tradition," 37-62.

⁴⁸ Erik Jan Zürcher, "Army reform in the Ottoman Empire," dalam *Unconquered States: Non-European Powers in the Imperial Age*, ed. Houchang Esfandiari Chehabi dan David Motadel (Oxford University Press, 2024), 73-83.

⁴⁹ Kia, *The Ottoman Empire: A Historical Encyclopedia*, 154.

⁵⁰ Shaw dan Shaw, *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, 3.

⁵¹ Ali Akyıldız, "Sened-i İttifak'ın ilk tam metni," *İslam Araştırmaları Dergisi* 2 (1998): 209-222.

⁵² Shaw dan Shaw, *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, 3.

⁵³ Göksel Türker, "Examination of constitutionalist movements and constitutions in terms of the development of democracy in the Ottoman Empire," *Yönetim ve Ekonomi Araştırmaları Dergisi* 22, no. 1 (2024): 115-137; Kemal Gözler, *Türk Anayasa Hukuku* (Ekin, 2018), 20.

⁵⁴ Ayşegül Nihan Erol Şahin dan Hamza Keleş, "An assesment of the employed foreign experts of Asâkir-i Mansûre-i Muhammediyye army and education issues," *International Journal of Eurasia Social Sciences* 10, no. 38 (2019): 1212-1220.

⁵⁵ Ruveyda Nida Yıldırım, "II. Mahmut dönemi islahat hareketleri," Tesis Sarjana, *İslam Tarihi Bilim Dalı, Sosyal Bilimler Enstitüsü, Fırat Üniversitesi* (2006), 9.

⁵⁶ Shaw dan Shaw, *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, 6.

Seperti yang dinyatakan oleh Çakır,⁵⁷ Mahmud II memperkukuh pembaharuan ketenteraannya dengan menaikkan gaji anggota, menyediakan peralatan baharu dan menambah jumlah pasukan, menjadikan mereka unit tempur yang lebih setia dan berkesan. Sementara itu, angkatan tentera laut Uthmaniyyah menjalani proses penyusunan semula dan pemodenan di bawah arahan *Grand Admiral* Koca Hüseyin Mehmed Paşa. Usaha ini diperkukuh pada tahun 1827 apabila Topal İzzet Mehmet Paşa mengambil alih jawatan *Grand Admiral* dan meneruskan penyusunan semula utama armada Uthmaniyyah.⁵⁸ Kekuatan *Nizam-i Cedid* dan pasukan yang mengikutinya juga terletak pada keberanian memperkenalkan teknologi ketenteraan mutakhir. Pasukan *Segban-i Cedid* memusatkan taktikal mereka pada penggunaan senapang api, sementara inovasi Selim III dalam penyusunan semula kor artileri dan gerabak meriam mengikut acuan Prusia pada tahun 1793, diteruskan oleh Mahmud II dengan penambahan bilangan dan kecekapan anggota.⁵⁹

Kemunculan dan penubuhan pasukan *Muallem Asakir-i Mansure-i Muhammadiye* selepas pembubaran Janissari pada tahun 1826, menetapkan setiap rejimen memiliki 12 laras meriam dan 12 kompeni bersenjata senapang, menjadikan angkatan tentera Uthmaniyyah mampu bersaing dengan formasi tempur Eropah.⁶⁰ Anggotanya dibezakan dengan pakaian seragam khas yang menonjolkan identiti baharu, ditempatkan di kem-kem terpencil yang berfungsi sebagai ruang pengasingan daripada pengaruh lama. Di sinilah mereka dilatih dengan disiplin ketat, arahan tersusun serta taktik gaya Eropah yang menekankan keteraturan dan keberkesanan, melibatkan suatu transformasi radikal berbanding struktur longgar Janissari. Unit asas pasukan ini ialah batalion, yang diatur dengan pembahagian dalaman kepada lapan kompeni senapang tembakan.⁶¹

Selain daripada itu, Mahmud II turut melakukan reformasi dalam sistem *recruitment* tentera. Walaupun *Nizam-i Cedid* telah lama dibubarkan, usaha merekrut sukarelawan baharu diteruskan untuk *Segban-i Cedid* dan kemudiannya tentera *Mansure*.⁶² Di kota Istanbul, proses *recruitment* berjalan pantas dengan kriteria umur antara 15 hingga 30 tahun dan tempoh perkhidmatan selama 12 tahun. Sistem *redif* (simpanan tentera) diperkenalkan dengan mewajibkan setiap wilayah menyediakan batalion.⁶³ Kalangan lelaki dari desa yang layak bergilir-gilir menjalani latihan berkala sambil menetap di rumah, menerima gaji dan berkhidmat selama lima tahun buat pasukan yang aktif sementara tujuh tahun untuk pasukan simpanan. Sistem ini diatur selaras dengan populasi dan keperluan pertanian wilayah masing-masing dalam Kerajaan Uthmaniyyah pada waktu itu.

Sejajar dengan itu, kejayaan reformasi ketenteraan tidak mungkin tercapai tanpa asas pendidikan yang kukuh, lantas Mahmud II memberi perhatian besar kepada pembinaan institusi pendidikan ketenteraan yang moden. Warisan sekolah kejuruteraan era Selim III diperbesar dan diperbaharui dari segi kurikulum serta kemudahan.⁶⁴ Pada Mac 1827, Mahmud II menubuhkan *Tıbhane* (Sekolah Perubatan Tentera), diikuti dengan *Cerrahhane* (Sekolah Pembedahan) pada tahun 1832 dan *Mekteb-i Şahane-i Tıbbiye* (Sekolah Perubatan Diraja) pada tahun 1839.⁶⁵ Tahun 1836 menyaksikan pembukaan *Muzika-i Hümayun Mektebi*, yang melatih kumpulan muzik rejimen untuk menyemai disiplin dan semangat kor dalam tentera baharu.⁶⁶ Pada tahun yang sama, bagi mengatasi kekurangan pegawai terlatih, Mahmud II menubuhkan *Mekteb-i Ulum-u Harbiye* (Sekolah Sains Ketenteraan), yang menjadi institusi teknikal utama dalam kerajaan, menawarkan pengajaran lanjutan dalam bidang kejuruteraan, geometri, matematik dan sains ketenteraan. Secara tuntasnya, sistem ketenteraan *Nizam-i Cedid* dan kesinambungannya dalam bentuk *Segban-i Cedid* serta *Asakir-i Mansure-i Muhammadiye* bukan

⁵⁷ Azize Fatma Çakır, "Households in Ottoman politics: The rivalry between Hüseyin Mehmed Pasha and Mehmed Ali Pasha of Egypt," Tesis Sarjana, Graduate School of Arts and Social Sciences, Sabancı University (2013), 3.

⁵⁸ Shaw dan Shaw, *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, 27.; Dilara Dal. "The modernization of the Ottoman navy during the reign of Sultan Abdülaziz (1861-1876)," Tesis Doktor Falsafah, School of History and Cultures, Centre for Byzantine, Ottoman and Modern Greek Studies, University of Birmingham (2016), 112-113.

⁵⁹ Zürcher, "Army reform in the Ottoman Empire," 73-83.

⁶⁰ Avigdor Levy, "The officer corps in Sultan Mahmud II's new Ottoman army, 1826-39," *International Journal of Middle East Studies* 2, no. 1 (1971): 21-39.

⁶¹ Shaw dan Shaw, *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, 24.

⁶² Şahin dan Keleş, "An assessment of the employed foreign experts of Asâkir-i Mansûre-i Muhammediyye army," 1212-1220.

⁶³ Shaw dan Shaw, *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, 43.

⁶⁴ Mustafa Yeni dan Deniz Tabakcıoğlu, "II. Meşrutiyet döneminde bir modern eğitim denemesinin anatomisi: Bahriye mektebinin 1912 senesi imtihanları," *Alınları Sosyal Bilimler Dergisi* 7, no. 1 (2023): 35-55.

⁶⁵ Zürcher, "Army reform in the Ottoman Empire," 73-83.

⁶⁶ Tolga Ürün dan Onur Zahal, "Late Ottoman Empire reforms: The musical policies of Sultan Mahmud II," *International Journal of Cultural Policy* 31, no. 6 (2024): 1-14.

sekadar rangka pembaharuan taktikal, tetapi sebuah gagasan di peringkat kuasa pusat yang menggabungkan visi politik, disiplin organisasi dan strategi pemodenan berskala luas.⁶⁷

Pembubaran Kor Janissari (1826) menerusi Peristiwa *Vaka-i Hayriye*

Dalam sejarah Kerajaan Uthmaniyyah, tahun 1826 terpahat sebagai detik yang menggoncang tiang-tiang lama kekuasaan tradisional dan peristiwa yang dikenali sebagai *Vaka-i Hayriye* (terjemahan: Peristiwa Menguntungkan) menyaksikan Mahmud II menghentikan denyut nadi Kor Janissari, institusi ketenteraan berusia ratusan tahun yang pernah menjadi perisai kerajaan namun akhirnya menjadi penghalang kepada perubahan.⁶⁸ Dengan strategi yang rapi, Mahmud II menempatkan orang kepercayaannya dalam posisi strategik, mendapatkan restu ulama dan menabur elemen kemunduran Janissari di hati rakyat. Strategi Mahmud II untuk menyingkirkan Janissari tidak dilakukan secara tergesa-gesa, sebaliknya dibina dengan penuh kesabaran dan perhitungan. Selama hampir 18 tahun, Mahmud II menyiapkan landasan politik, sosial, dan agama untuk memastikan kejayaannya. Antara langkah terpenting ialah mendapatkan legitimasi ulama. Melalui fatwa yang dikeluarkan oleh *Şeyhülislam* Mehmed Tahir Efendi, ditegaskan bahawa mempelajari sains ketenteraan gaya Eropah tidak bertentangan dengan syariah, malah kehadiran Janissari yang semakin merosakkan dianggap sebagai ancaman kepada kerajaan dan agama. Mahmud II juga menubuhkan sebuah kementerian baharu bernama *Umur-u Cihadiye Nezareti* (Kementerian Hal-ehwal Jihad), nama yang dipilih dengan penuh simbolisme untuk menarik perhatian golongan agama dan memberikan justifikasi keagamaan kepada pembaharuan tentera.

Rentetan daripada itu, mesyuarat pada 26 Mei 1826 menekankan bahawa melawan musuh adalah tuntutan agama. Dengan demikian, pada 29 Mei 1826, sebuah dokumen *hüccet* dan *fatwa* dibacakan, menyalahkan kegagalan pihak Janissari dalam menumpaskan pemberontakan golongan Yunani. Hasilnya, cadangan penubuhan kor baharu, iaitu *Eşkinici Lahiyası* telah diluluskan.⁶⁹ Mehmet Celâleddin Ağa, selaku Agha Janissari terakhir, tampil mengumumkan keputusan tersebut, lalu ia diterima secara rasmi sebagai penutup kepada sejarah panjang institusi itu. Dalam rancangan ini, seramai 150 anggota Janissari terbaik dari setiap 51 kor di Istanbul dipilih untuk dilatih mengikut model ketenteraan Eropah. Pasukan baharu yang dinamakan Kor *Eşkiniciyan* itu secara rasmi masih merupakan sebahagian daripada Kor Janissari, namun latihan, struktur, dan taktik mereka disesuaikan dengan sistem moden.⁷⁰ İbrâhim Sâib Efendi dilantik sebagai Nazir *Eşkinici Ocağı* dan pada 12 Jun 1826 latihan *Eşkinici* dimulakan di *Etmeydanı*.⁷¹ Mahmud II menyedari percubaan ini pasti mencetuskan kebencian dalam kalangan Janissari dan ini menjadi taktik terselindung untuk memprovokasi mereka agar bangkit memberontak, satu helah politik yang membuka jalan kepada penghapusan total. Reaksi Janissari tidak mengecewakan jangkaan Mahmud II. Latihan tersebut pada awalnya dianggap sebagai rutin ketenteraan biasa, namun apabila perintah pendaftaran anggota baharu dikuatkuasakan, Kor Janissari tampil menentang secara terbuka sekali gus memperlihatkan permulaan konflik antara mereka dengan pihak pemerintah. Mereka segera memberontak, namun pemberontakan itu hanya membawa kepada kehancuran mereka sendiri. Setelah gagal menentang tentera kerajaan yang baharu tersebut, para pemberontak terpaksa berundur ke berek mereka di *Etmeydanı*.⁷² Malah penduduk Istanbul yang jemu dengan kerakusan Janissari, termasuk pelajar madrasah telah berarak menuju ke kawasan istana dengan laungan takbir dan doa. Pada pagi 14 Jun 1826, Mahmud II sendiri tampil dalam pakaian perang, sempat mengucapkan selamat tinggal kepada puteranya yang masih kecil, Abdülmecid.

Menjelang terbitnya siang, setelah segala rayuan terakhir agar mereka menyerah diri tidak diendahkan, satu serangan besar-besaran pun dilancarkan. Er⁷³ menyatakan pasukan artileri di bawah pimpinan Topçubaşı Nûman dan Yüzbaşı Kara Cehennem İbrâhim Ağa melepaskan bedilan ke arah berek Janissari di *Etmeydanı*. Dentuman meriam menggoncang langit Istanbul, dinding berek runtuh disambar

⁶⁷ Şahin dan Keleş, "An assesment of the employed foreign experts of Asâkir-i Mansûre-i Muhammediyye army," 1212-1220.

⁶⁸ Shaw dan Shaw, *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, 21.

⁶⁹ Murat Toman dan Fikretin Yavuz, "Inevitable choice for Survival: The last Ottoman grand strategy," *Gazi Akademik Bakış* 17, no. 33 (2023): 187-206.

⁷⁰ Mustafa Can Güripek dan Şevket Kami Akar, "Ottoman institutions and legal regulations in 19th century Bulgarian economy: A review based on institutional economics," *Economic Alternatives* 3 (2021): 443-458.

⁷¹ Abdülkadir Özcan, "Eşkinici ocağı," *TDV İslâm Ansiklopedisi* (1995), akses 2 September 2025, <https://islamansiklopedisi.org.tr/eskinici-ocagi>; Şahin dan Keleş, "An assesment of the employed foreign experts of Asâkir-i Mansûre-i Muhammediyye army," 1212-1220.

⁷² Kemal Beydilli, "Vak'a-i hayriyye," *TDV İslâm Ansiklopedisi*, no. 42 (2012), 454-457, akses: 29 Ogos 2025, <https://islamansiklopedisi.org.tr/vaka-i-hayriyye>.

⁷³ Tayfun Er, *Yalidakiler* (Destek Yayınları, 2009), 78.

api, lalu pasukan kerajaan menyerbu masuk. Janissari yang masih bertahan dibunuh di padang latihan, manakala berek dan bangunan sekitarnya dibakar, menyembunyikan suara jeritan dalam kepulan asap yang menutup langit Istanbul, sementara tubuh-tubuh bergelimpangan menjadi saksi ngeri. Menjelang malam, benteng terakhir Janissari akhirnya roboh, menutup tirai kekuasaan mereka yang berabad lamanya. Mereka yang ditangkap dihadapkan ke *dīvân-ı harb* di *Atmeydanı*, dihukum mati beramai-ramai, ada yang dicekik di ruang bawah Masjid Sultanahmet, lalu mayat dicampak ke laut.⁷⁴ Pada 16 dan 17 Jun 1826, mesyuarat besar diadakan di masjid yang sama. Perdebatan tentang nasib Janissari berakhir setelah ucapan tegas *Reisülküttâb* Mehmed Seydâ Efendi, yang menyatakan kor ini tidak mungkin lagi dipercayai. Akhirnya, pada 17 Jun 1826, *ferman* pembubaran Janissari dibacakan oleh Reis Efendi, hasil penulisan Beylikçi Pertev Efendi, dan diumumkan secara besar-besaran oleh Es'ad Efendi di masjid serta disebarkan ke seluruh kota. Berek Janissari dirobohkan, rekod dibakar dan batu nisan yang selama ini menjadi tanda kewujudan mereka turut dihancurkan.⁷⁵ Riwayat beratus tahun Kor Janissari berjaya ditamatkan, lalu terbuka jalan bagi Mahmud II dikenang sebagai 'pengasas kedua' Kerajaan Uthmaniyyah.

Penghapusan Janissari bukan sekadar merombak barisan tentera, tetapi juga satu pembukaan lembaran baharu. Pada 16 Jun 1826, dekri yang sama yang menutup riwayat Janissari turut melahirkan *Muallem Asakir-i Mansure-i Muhammadiye*, memberi maksud 'Tentera Terlatih Muhammad yang Jaya'.⁷⁶ Pasukan tersebut dipimpin oleh Ağa Hüseyin Paşa sebagai *serasker* pertama. Pasukan baharu ini juga dibentuk dengan disiplin moden sebagai teras keutamaan berlandaskan model *Nizam-ı Cedid*. Perekrutan berlaku dengan pantas dalam tempoh tiga hari, satu rejimen terbentuk di Istanbul dengan anggaran pengambilan 1,500 orang.⁷⁷ Di bawah kepimpinan Hüsrev Mehmed Paşa, barisan ini dimodenkan mengikut inspirasi ketenteraan Perancis, sehingga menjelang tahun 1828, tentera Uthmaniyyah memiliki 50 batalion aktif dengan puluhan ribu anggota. Nama mereka berubah pada tahun 1841 menjadi *Asakir-i Nizamiye-i Şahane*, iaitu simbol pemodenan ketenteraan Uthmaniyyah. Dengan kejatuhan Janissari, Mahmud II tidak lagi berdepan bayang-bayang kuasa tentera yang kerap mencabar keabsahan sultan, sebaliknya membuka ruang untuk memperkukuh autoriti pusat, memperluas birokrasi moden dan merintis pemodenan fiskal serta pentadbiran yang lebih sistematik.⁷⁸ Justeru, *Vaka-i Hayriye* tidak sekadar episod sejarah berdarah, tetapi titik mula sebuah transformasi menyeluruh yang memberi gema panjang dalam sejarah politik, ketenteraan dan intelektual dunia Islam.

Kesimpulan

Makalah ini membuka pemahaman yang lebih luas terhadap pembaharuan yang dibawa oleh Mahmud II dari aspek politik dan ketenteraan, sekali gus merupakan titik perubahan penting dalam sejarah pembaharuan tadbir urus Kerajaan Uthmaniyyah abad ke-19M. Pembaharuan tersebut tidak sekadar memansuhkan sistem lama yang dikuasai oleh Kor Janissari, tetapi turut membina asas baharu bagi struktur ketenteraan yang moden, berdisiplin dan berpaksikan autoriti pusat. Kesenambungan *Nizam-i Cedid* membuktikan gagasan yang diasaskan oleh Selim III tidak berakhir dengan kejatuhannya, sebaliknya berkembang dan disesuaikan oleh Mahmud II mengikut keperluan politik serta cabaran geopolitik zamannya. Pembaharuan tersebut tidak hanya terbatas kepada pembentukan *Segban-i Cedid* dan *Asakir-i Mansure-i Muhammadiye*, tetapi turut meliputi penstrukturan semula keseluruhan sistem ketenteraan dan pertahanan Uthmaniyyah menerusi pembentukan pasukan artileri moden, institusi latihan ketenteraan dan perubatan serta pengukuhan pentadbiran armada. Penubuhan institusi seperti *Mekteb-i Ulum-u Harbiye* (1836), *Tibhane* dan *Cerrahhane* (1827-1832) serta *Mekteb-i Tibbiye-i Şahane* (1839) memperlihatkan pendekatan sistematik Mahmud II dalam membina tenaga profesional yang terlatih dan berdisiplin. Dalam masa yang sama, pembentukan *redif* (tentera simpanan) dan pembaharuan sistem gaji memperkukuh daya tahan organisasi ketenteraan secara jangka panjang. Usaha ini disokong pula oleh langkah pemodenan tentera laut di bawah pimpinan Hüsrev Mehmed Paşa, yang memperkenalkan sistem latihan baharu serta menggantikan pengaruh lama dengan struktur profesional berasaskan merit. Keseluruhan inisiatif ini menggambarkan Mahmud II sebagai seorang pemerintah yang memahami hubungan antara kekuatan ketenteraan, kestabilan fiskal dan legitimasi politik. Pada hakikatnya, pembaharuan Mahmud II wajar difahami sebagai satu proses pembinaan

⁷⁴ Beydilli, "Vak'a-i hayriyye," 454-457.

⁷⁵ Berna Yaylalı Yıldız, "Stratified ground of the city: Transformation of Istanbul Divanyolu in the modern period," Tesis Sarjana, Department of Architecture, Middle East Technical University (2008), 40.; Beydilli, "Vak'a-i hayriyye," 454-457.

⁷⁶ Zürcher, "Army reform in the Ottoman Empire," 73-83.

⁷⁷ Shaw dan Shaw, *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, 23.

⁷⁸ Stephanov, "Mahmud II," 110-113.

semula kedaulatan pemerintahan yang menyeimbangkan antara warisan Islam dan keperluan pemodenan abad ke-19M. Ia bukan sekadar pembaharuan ketenteraan, tetapi pembentukan paradigma baharu pemerintahan yang menempatkan kuasa pemerintahan sebagai paksi utama legitimasi dan rasionaliti pemerintahan. Berbekalkan visi jauh dan keberanian strategik, Mahmud II membangunkan kerangka institusi yang bukan sahaja membuka jalan kepada era Tanzimat, tetapi juga menandakan peralihan sejarah politik Uthmaniyyah daripada kerajaan tradisional kepada bentuk pemerintahan moden yang berasaskan kematangan, disiplin dan daya tahan politik.

Penghargaan

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil penyelidikan Kumpulan Penyelidikan Sejarah Ketenteraan dan Tamadun Islam (SAKTI), Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kod: GUP-2024-072 serta Dana Insentif Penerbitan dan juga Dana Pecutan Penerbitan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan

Abu-Manneh, Butrus. "Mehmed Ali Paşa and Sultan Mahmud II: The genesis of a conflict," *Turkish Historical Review* 1, no. 1 (2010): 1-24.

Afyoncu, Erhan. "Reconstructing an Empire: Mahmud II's drastic change in state structure," *Daily Sabah* 2018, akses 2 September 2025, <https://www.dailysabah.com/feature/2018/07/06/reconstructing-an-empire-mahmud-iis-drastic-change-in-state-structure>.

Ágoston, Gábor. "Military transformation in the Ottoman Empire and Russia, 1500-1800," *Kritika: Explorations in Russian and Eurasian History* 12, no. 2 (2011): 281-319.

Ak, S Sibel. "TSMK'da bulunan III. Murad tuğrasının desen ve renk yönünden incelenmesi," Tesis Sarjana, Fatih Sultan Mehmet Vakıf Üniversitesi, İstanbul, 2013.

Aksan, Virginia Harris. *Ottoman Wars, 1700-1870: An Empire Besieged*. Routledge, 2007.

Akyıldız, Ali. "Sened-i İttifak'ın ilk tam metni," *İslam Araştırmaları Dergisi* 2 (1998): 209-222.

Akyıldız, Ali. "Sultan II. Mahmud'un hastalığı ve ölümü," *Türk Kültürü İncelemeleri Dergisi* 4 (2001): 53-90.

Andic, Fuat M. dan Andic, Suphan. *Reforming Ottoman Governance: Success, Failure, and the Path to Decline*. Gorgias Press, 2014.

Baydar, Evren Kutlay. *Osmanlı'nın Avrupalı Müzisyenleri*. Kapı Yayınları, 2010.

Beydilli, Kemal. "Vak'a-i hayriyye," *TDV İslâm Ansiklopedisi*. Jil. 42, 2012, akses 29 Ogos 2025, <https://islamansiklopedisi.org.tr/vaka-i-hayriyye>.

Biçer, Ramazan Hüseyin. "Vakayi Hayriye sonrası bazı Yeniçeri faaliyetleri ve alınan önlemler," *IV. Uluslararası Türklerin Dünyası Sosyal Bilimler Sempozyumu*, 2020.

Çakır, Azize Fatma. "Households in Ottoman politics: The rivalry between Husrev Mehmed Pasha and Mehmed Ali Pasha of Egypt," Tesis Sarjana, Graduate School of Arts and Social Sciences, Sabancı University, 2013.

Dal, Dilara. "The modernization of the Ottoman navy during the reign of Sultan Abdülaziz (1861-1876)," Tesis Doktor Falsafah, School of History and Cultures, Centre for Byzantine, Ottoman and Modern Greek Studies, University of Birmingham, 2016.

Danacı, Aysel Yıldız., "İstanbul during the events of 1807 and 1808," *History of Istanbul*, 2019, akses 2 September 2025, <https://istanbultarihi.ist/414-istanbul-during-the-events-of-1807-and-1808>.

- The Historical Narrative of Nizam-i Cedid Development in the Ottoman Military Reforms under Mahmud II*
Deny, Jean., "Wālide Sultān," *The Encyclopaedia of Islam: A Dictionary of the Geography, Ethnography and Biography of the Muhammadan Peoples*, Vol. 4. E.J. Brill, 1913.
- Derman, Mustafa Uğur. *Letters in Gold: Ottoman Calligraphy from the Sakıp Sabancı Collection, Istanbul*. The Metropolitan Museum of Art, 1998.
- Dever, Ayhan dan Islam, Ahmet. "Tarihsel süreç içerisinde Türk kültüründe spor algısı," *Manas Sosyal Araştırmalar Dergisi* 4, no. 5 (2015): 46-61.
- Doğan, Şahin. "Osmanlı reform çağında yönetici elit sınıf (1826-1878)," *Mediterranean Journal of Humanities* 3, no. 1 (2013): 253-260.
- Efendi, Esat. *Üss-i Zafer 1241*. Tanpa penerbit, 1827.
- Er, Tayfun. *Yalıdakiler*. Destek Yayınları, 2009.
- Ersahin, Seyfettin. "Westernization, Mahmud II, and the virtue tradition," *American Journal of Islam and Society* 23, no. 2 (2006): 37-62.
- Fahmy, Khaled. "The era of Muhammad 'Ali Pasha, 1805-1848," *The Cambridge history of Egypt*. Jil. 2, ed. Petry, Carl F. dan Daly, Martin William. Cambridge University Press, 1998.
- Ferté-Meun, Comtesse de La. *Lettres sur le Bosphore, ou Relations d'un Voyage à Constantinople et en Différentes Parties de l'Orient, les années 1816, 1817, 1818, et 1819*. Ed. 2, Chez Locard et Davi, 1822.
- Gözler, Kemal. *Türk Anayasa Hukuku*. Ekin, 2018.
- Güripek, Mustafa Can dan Akar, Şevket Kami. "Ottoman institutions and legal regulations in 19th century Bulgarian economy: A review based on institutional economics," *Economic Alternatives* 3 (2021): 443-458.
- Isom-Verhaaren, Christine. "Royal French women in the Ottoman Sultans' harem: The political uses of fabricated accounts from the sixteenth to the twenty-first century," *Journal of World History* 17, no. 2 (2006): 159-196.
- Kia, Mehrdad. *The Ottoman Empire: A Historical Encyclopedia*. Jil. 2. ABC-CLIO, 2017.
- Kılıç, Halim. "Osmanlı devleti'nde Tanzimat reformlarını düzenleyici bir kurum olarak Şura-yı Devlet (1868-1876)," *Gazi Akademik Bakış* 14, no. 27 (2020): 203-220.
- Kocabaş, Sadık. "Tanzimat dönemi'nden cumhurbaşkanlığı hükümet sistemine kadar Türk idari teşkilatında istişari kurullar," *Uluslararası Batı Karadeniz Sosyal ve Beşeri Bilimler Dergisi* 7, no. 1 (2023): 72-88.
- Kuran, Ercüment. "Başvekil," *TDV İslâm Ansiklopedisi*, Jil. 5. TDV İslâm Araştırmaları Merkezi, 1992, akses 1 September 2025. <https://islamansiklopedisi.org.tr/basvekil>.
- Levy, Avigdor. "The officer corps in Sultan Mahmud II's new Ottoman army, 1826-39," *International Journal of Middle East Studies* 2, no. 1 (1971): 21-39.
- Maden, Fahri. "Yeniçerilik-Bektaşilik ilişkileri ve Yeniçeri isyanlarında Bektaşiler," *Türk Kültürü ve Hacı Bektaş Veli Araştırma Dergisi* 73 (2015): 173-202.
- Münch, Ernst Hermann Joseph., *Mahmud II., Padischah der Osmanen: Sein Leben, seine Regierung und seine Reformen, nebst Blicken auf die nächste Gegenwart und die Zukunft des türkischen Reichs*. Verlag von Adolph Krabbe, 1839.

Öyük, Hasan Fatih. "Revisiting the 1826 Bektâşî purge: Political-economy of confiscating endowment lands," *Kadim* 7 (2024): 71-91.

Özcan, Abdülkadir. "Eşkinici ocağı," *TDV İslâm Ansiklopedisi*, 1995, Akses 2 September 2025. <https://islamansiklopedisi.org.tr/eskinici-ocagi>.

Rosen, Georg. *Geschichte der Türkei von dem Siege der Reform im Jahre 1826 bis zum Pariser Tractat vom Jahre 1856: Von der Vertilgung der Janitscharen bis zum Tode Machmuds II (Bd. I)*. Salomon Hirzel, 1866.

Şahin, Ayşegül Nihan Erol dan Keleş, Hamza. "An assesment of the employed foreign experts of Asâkir-i Mansûre-i Muhammedîyye army and education issues," *International Journal of Eurasia Social Sciences* 10, no. 38 (2019): 1212-1220.

Salibi, Kamal Suleiman. "Middle Eastern parallels: Syria-Iraq-Arabia in Ottoman times," *Middle Eastern Studies* 15, no. 1 (1979): 70-81.

Saydam, Abdullah. "Kaht-ı ricâl girdâbında saltanat sürmek: II. Mahmud ve yönetici kadro (1808-1826)," *Osmanlı Medeniyeti Araştırmaları Dergisi* 23 (2024): 271-95.

Shaw, Stanford Jay dan Shaw, Ezel Kural. *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey: Vol. 2. Reform, Revolution, and Republic: The Rise of Modern Turkey, 1808-1975*. Cambridge University Press, 1977.

Şimşek, Veysel. "Ottoman military recruitment and the recruit: 1826-1853," Tesis Sarjana, Bilkent University, Ankara, 2005.

Stephanov, Darin. "Mahmud II," *The Encyclopaedia of Islam, Three*. Brill, 2021.

Stephanov, Darin N. *Ruler Visibility and Popular Belonging in the Ottoman Empire, 1808-1908*. Edinburgh University Press, 2019.

Sultanoğlu, Hasan, Topçu, İbrahim, Gündoğdu, Raşit dan Salman, Zeynep. "Sultan Mahmud II's diseases and cause of death from the perspective of medical doctor's and current medical literature," *Health Sciences Quarterly* 3, no. 4 (2023): 229-239.

Süme, Mehmet. "Osmanli devleti'nde taşrada muhtarlik teşkilatinin kuruluşu: Bolu örneği," *Karen-Karadeniz Araştırmaları Enstitüsü Dergisi* 8, no. 14 (2022): 93-108.

Tekdemir, Aziz. "Osmanli devleti'nde ilk ticari gazete: Ceride-i ticaret," *Trakya Üniversitesi Sosyal Bilimler Dergisi* 13, no. 1 (2011): 209-221.

Toman, Murat dan Yavuz, Fikretin. "Inevitable choice for Survival: The last Ottoman grand strategy," *Gazi Akademik Bakış* 17, no. 33 (2023): 187-206.

Topal, Alp Eren. "Political reforms as religious revival: Conceptual foundations of Tanzimat," *Oriente Moderno* 101, no. 2 (2021): 153-180.

Türesay, Özgür. "The political language of *Takvîm-i Vekayi*: The discourse and temporality of Ottoman 'reform' (1831-1834)," *European Journal of Turkish Studies: Social Sciences on Contemporary Turkey* 31, 2020: <https://journals.openedition.org/ejts/6874>.

Türker, Göksel. "Examination of constitutionalist movements and constitutions in terms of the development of democracy in the Ottoman Empire," *Yönetim ve Ekonomi Araştırmaları Dergisi* 22, no. 1 (2024): 115-137.

Ursinus, Michael., "Holy mountain and supreme council: Mount Athos at the beginning of a new era," *Byzantine and Modern Greek Studies* 13, no. 1 (1989): 258-285.

The Historical Narrative of Nizam-i Cedid Development in the Ottoman Military Reforms under Mahmud II
Ürün, Tolga dan Zahal, Onur. "Late Ottoman Empire reforms: The musical policies of Sultan Mahmud II," *International Journal of Cultural Policy* 31, no. 6 (2024): 1-14.

Yeni, Mustafa. & Tabakcıoğlu, Deniz. "II. Meşrutiyet döneminde bir modern eğitim denemesinin anatomisi: Bahriye mektebinin 1912 senesi imtihanları," *Alınları Sosyal Bilimler Dergisi* 7, no. 1 (2023): 35-55.

Yenidünya, Süheyla. "Kaos ve kriz ortamında (1807-1808) Fransa'nın babıâli üzerindeki etkisi," *History Studies: International Journal of History* 5, no. 1 (2013): 405-424.

Yıldırım, Ruveyda Nida. "II. Mahmut dönemi islahat hareketleri," Tesis Sarjana, İslam Tarihi Bilim Dalı, Sosyal Bilimler Enstitüsü, Fırat Üniversitesi, 2006.

Yıldız, Berna Yaylalı. "Stratified ground of the city: Transformation of Istanbul Divanyolu in the modern period," Tesis Sarjana, Department of Architecture, Middle East Technical University, 2008.

Zorba, Hatice Akın. "Evliya Çelebi seyahatnâmesi'ne göre Osmanlı imparatorluğu'nda spor," *International Journal of Science Culture and Sport* 2, no. SI1 (2016): 721-732.

Zürcher, Erik Jan. "Army reform in the Ottoman Empire," *Unconquered States: Non-European Powers in the Imperial Age*, ed. Chehabi, Houchang Esfandiari dan Motadel, David. Oxford University Press, 2024.

